

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSO [SETIU]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah ubat bagi merawat penyakit Hepatitis C boleh didapati di pasaran serta anggaran kos bagi rawatan penyakit tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Status Pendaftaran Ubat Hepatitis C**

Sehingga 31 Januari 2016, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendaftarkan 26 produk farmaseutikal untuk digunakan bagi rawatan penyakit disebabkan jangkitan virus Hepatis C.

Dua puluh (20) daripadanya adalah produk yang mengandungi bahan aktif 'interferon' dan 'pegylated interferon' alpha 2a atau 2b, 2 produk mengandungi bahan aktif ribavirin dan 3 produk dari kategori 'direct acting antivirals' yang terdiri dari bahan aktif tunggal iaitu boceprevir

sofosbuvir dan dasabuvir. Manakala 1 produk yang mengandungi kombinasi bahan-bahan aktif dari kategori yang sama iaitu ombitasvir, paritaprevir dan ritonavir juga telah berdaftar dengan PBKD.

Sehingga kini, belum ada lagi produk vaksin untuk Hepatitis C didaftarkan di seluruh dunia.

Anggaran kos bagi rawatan penyakit ini di hospital KKM adalah RM 160,000.00.

Contoh regimen yang digunakan seperti:

Nama ubat: Kombinasi ubat Viekirax & Exviera

Tempoh Rawatan: 12 minggu

Kos Rawatan: RM160,260.00

**SOALAN ( 39 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH  
[ SETIU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratus projek rumah mampu milik di seluruh negara yang telah berjaya disiapkan sepenuhnya berbanding sasaran sebenar program tersebut.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meletakkan sasaran pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik di seluruh negara untuk tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2013 hingga 2018. Pembinaan ini akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan dengan sektor perumahan. Sehingga bulan September 2015, Kerajaan telah menyiapkan sebanyak 16.1% (194,779 unit rumah), manakala 15.4% (185,742 unit) masih dalam pembinaan dan 29.79% (360,205 unit) masih dalam pelbagai peringkat perancangan. Baki 38.7% (68,299 unit) lagi akan diteruskan pembinaannya sehingga tahun 2018. Maklumat lengkap Status Pelaksanaan Rumah Mampu Milik adalah seperti di **Lampiran 1**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016

## Lampiran 1

### SASARAN DAN PELAKSANAAN 1 JUTA RUMAH MAMPU MILIK (JANUARI 2013 – SEPTEMBER 2015)

AGENSI	SASARAN (BIL. UNIT)	UNIT SIAP (A)	(%)	DALAM PEMBINAAN (B)	(%)	DALAM PERANCANGAN (C)	(%)	JUMLAH (D) = (A)+(B)-(C)	(%)	BAKI SASARAN	(%)
KPKT	60,789	14,200	23.4	18,533	30.5	17,289	28.4	50,022	82.3	10,767	17.7
PR1MA	500,000	883	0.2	48,257	9.7	128,639	25.7	177,779	35.6	322,221	64.4
SPNB	166,111	52,974	31.9	13,355	8.0	99,782	60.1	166,111	100.0	0	0.0
PPA1M	100,000	0	0.0	18,777	18.8	11,223	11.2	30,000	30.0	70,000	70.0
KWP	43,000	900	2.1	12,163	28.3	26,148	60.8	39,211	91.2	3,789	8.8
FELDA	20,400	326	1.6	8,570	42.0	11,430	56.0	20,326	99.6	74	0.4
KKLW	15,774	5,651	35.8	2,241	14.2	0	0.0	7,892	50.0	7,882	50.0
BPPBPP	7,970	1,189	14.9	804	10.1	970	12.2	2,963	37.2	5,007	62.8
PERDA	5,312	1,069	20.1	790	14.9	0	0.0	1,859	35.0	3,453	65.0
MOA	10,926	6,402	58.6	2,524	23.1	2,000	18.3	10,926	100.0	0	0.0
KERAJAAN NEGERI	128,743	21,852	17.0	17,921	13.9	62,724	48.7	102,497	79.6	26,246	20.4
SEKTOR SWASTA	150,000	89,333	59.6	41,807	27.9	TM	TM	131,140	87.4	18,860	12.6
JUMLAH	1,209,025	194,779	16.1	185,742	15.4	360,205	29.793	740,726	61.3	468,299	38.7